



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**17 DISEMBER 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 166 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 238,120 kes. Sebanyak dua (2) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu masing-masing satu (1) kes di Tawau dan Kota Kinabalu. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 247 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 229,407 orang. Manakala 860 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 445 orang di hospital, 407 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, enam (6) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara dan dua (2) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 47 orang merangkumi 42 di ICU/repurposed kritikal *care* serta lima (5) di open ward (HDW/kubikel akut) manakala 13 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 33 (29.73%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning lima (5) daerah.
- Zon Jingga empat (4) daerah.
- Zon Merah 18 daerah.

## 5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

### i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Kes harian di Sabah terus memperlihatkan trend penstabilan sejajar dengan trend di seluruh negara. Jumlah kes hari ini menurun sebanyak 29 kes berbanding kelmarin menjadikan jumlah terbaru 166 kes.
- b. Kota Kinabalu masih menjadi penyumbang tertinggi kes-kes baharu di Sabah dengan 41 kes, 7 kes lebih tinggi daripada sebelumnya. Kota Kinabalu diikuti oleh Tuaran dengan 27 kes (-2), Papar 18 kes (+7), Ranau 14 kes (-2), Penampang 13 kes (-5) dan Putatan 11 kes. Sebanyak 14 daerah mencatat kurang daripada 10 kes baharu termasuk 8 daerah yang merekodkan 1 atau 2 kes baharu sahaja. Tidak ada kes baharu di Beluran, Telupid, Kinabatangan, Kota Marudu, Kunak, Nabawan dan Tongod.
- c. Seramai 161 orang daripada 166 pesakit baharu hari ini berada dalam Kategori 1 dan 2, seorang dalam Kategori 3, dua orang dalam Kategori 4 dan tidak ada pesakit dalam Kategori 5. Kes yang melibatkan dua pesakit masih dalam penilaian lanjut JKNS .
- d. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (77) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	2	1.20%
2	Bergejala	69	41.57%
3	Kontak	77	46.39%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	18	10.84%
<b>JUMLAH</b>		<b>166</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (16 Disember 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 16/12/2021	Catatan Kes 17/12/2021	Perbandingan
1	Putatan	0	11	+11
2	Kota Kinabalu	34	41	+7
3	Papar	11	18	+7
4	Beaufort	3	7	+4
5	Tenom	6	9	+3
6	Semporna	0	2	+2
7	Lahad Datu	2	2	Mendatar
8	Kalabakan	1	1	Mendatar
9	Pitas	1	1	Mendatar
10	Kunak	0	0	Mendatar
11	Kota Belud	16	2	-14
12	Kuala Penyu	10	2	-8
13	Penampang	18	13	-5
14	Sandakan	9	4	-5
15	Telupid	4	0	-4
16	Sipitang	4	1	-3
17	Tongod	3	0	-3
18	Beluran	3	0	-3
19	Nabawan	3	0	-3
20	Kota Marudu	3	0	-3
21	Tuaran	29	27	-2
22	Ranau	16	14	-2
23	Keningau	5	3	-2
24	Tawau	5	3	-2
25	Kudat	3	1	-2
26	Kinabatangan	1	0	-1
27	Tambunan	5	4	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>195</b>	<b>166</b>	<b>-29</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (03 Disember – 16 Disember)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	1	26	12	0	2	41	628
Tuaran	1	16	7	0	3	27	473
Papar	0	8	7	0	3	18	237
Ranau	0	8	6	0	0	14	274
Penampang	0	4	9	0	0	13	289
Putatan	0	3	7	0	1	11	171
Tenom	0	4	2	0	3	9	133
Beaufort	0	0	7	0	0	7	160
Sandakan	0	2	1	0	1	4	119
Tambunan	0	2	2	0	0	4	62
Tawau	0	1	1	0	1	3	54
Keningau	0	0	3	0	0	3	148
Kota Belud	0	1	1	0	0	2	262
Kuala Penyu	0	2	0	0	0	2	100
Lahad Datu	0	0	1	0	1	2	31
Semporna	0	0	1	0	1	2	9
Kudat	0	0	1	0	0	1	65
Sipitang	0	0	0	0	1	1	49
Pitas	0	0	0	0	1	1	54
Kalabakan	0	0	1	0	0	1	7
Kota Marudu	0	0	0	0	0	0	99
Nabawan	0	0	0	0	0	0	20
Kinabatangan	0	0	0	0	0	0	29
Telupid	0	0	0	0	0	0	33
Beluran	0	0	0	0	0	0	27
Tongod	0	0	0	0	0	0	16
Kunak	0	0	0	0	0	0	5
<b>JUMLAH</b>	<b>2</b>	<b>77</b>	<b>69</b>	<b>0</b>	<b>18</b>	<b>166</b>	<b>3,554</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kota Kinabalu	Kluster Puncak Ilmu	1
Tuaran	Kluster Jalan Tuaran Bakut	1
<b>Jumlah</b>		<b>2</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 4,213 unit

- Hospital 1,323 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,700 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 20.41%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 17 DISEMBER 2021

### i. Tempatan/Import/Tahanan

<b>Import/Tempatan</b>	
Tempatan	163
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	3
<b>Jumlah</b>	<b>166</b>

### ii. Kewarganegaraan

<b>Kewarganegaraan</b>	
Malaysia	156
Bukan Malaysia	10
<b>Jumlah</b>	<b>166</b>

### iii. Status Vaksinasi

<b>Status Vaksinasi</b>	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	27
Belum Menerima Vaksin	8
Menerima 1 Dos	1
Lengkap 2 Dos	121
Dos Penggalak	9
<b>Jumlah</b>	<b>166</b>

### iv. Umur

<b>Umur (Tahun)</b>	
<1	1
1 to 5	13
6 to 11	13
12 to 17	4
18 to 25	21
26 to 59	93
>60	21
<b>Jumlah</b>	<b>166</b>



## **C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 16 Disember 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 3,354 orang. Daripada jumlah ini, seramai 3,135 orang adalah penduduk dewasa dan 219 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 16 Disember 2021 adalah seramai 2,445,834 orang. Ini meliputi 2,110,219 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.50% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,398,784 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,088,725 orang atau 75.72% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 335,615 orang atau 77.33% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 310,058 atau 71.44% orang setakat ini.

## **D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **679,801** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 9,687 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 36 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak tiga (3) kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
  - Tiga (3) Orang : Pemilik Premis Gagal Menyediakan QR Kod/Buku Pendaftaran.

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 135 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 36 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Sebanyak 836 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Sebanyak dua (2) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu Keningau.
  - ii DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 554 premis perniagaan dan 828 individu di 18 kawasan. Dua (2) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Co-Marine Seafood Supplies Sdn. Bhd., Salut Komersial Centre dan Mango Daily Grocery, Salut Komersial Centre. Satu (1) kompaun dikenakan ke atas premis dengan kesalahan pemilik premis kompleks dan premis di luar kompleks gagal memastikan hanya pelanggan status low risk dalam MySejahtera sahaja dibenarkan masuk ke premis di Salut Komersial Centre, Salut.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 322 Premis Perniagaan melibatkan 142 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 111 anggota di 222 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di dua (2) premis, melibatkan dua (2) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 36 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tiga (3) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 118 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4**

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.5%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Keningau	98.7%
2	Tuaran	98.7%
3	Kudat	98.7%
4	Sipitang	98.7%
5	Papar	98.7%
6	Beluran	98.6%
7	Penampang	98.6%
8	Kota Belud	98.5%
9	Sandakan	98.5%
10	Semporna	98.5%
11	Kota Kinabalu	98.5%
12	Kota Marudu	98.5%
13	Beaufort	98.5%
14	Tenom	98.5%
15	Kinabatangan	98.4%
16	Kunak	98.4%
17	Ranau	98.3%
18	Tawau	98%
19	Lahad Datu	98%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**